

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATIN MASTURA BINTI TAN SRI DATO'
MOHD YAZID
(KUALA KANGSAR)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATIN MASTURA BINTI TAN SRI DATO' MOHD YAZID [KUALA KANGSAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberi insentif pelepasan cukai untuk golongan ibu tunggal. Sama ada yang berpendapatan dan tidak berpendapatan.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, tidak ada insentif pelepasan cukai yang khas pada masa ini untuk golongan ibu tunggal kerana layanan cukai pendapatan adalah menggunakan prinsip yang tidak membezakan layanan antara jantina (*non-gender bias*) bagi pembayar cukai lelaki dan perempuan. Ketika ini, terdapat sebanyak

21 jenis pelepasan yang telah disediakan kepada semua pembayar cukai bagi meningkatkan pendapatan boleh guna mereka, antaranya:

- a. pelepasan individu sebanyak RM9,000;
- b. pelepasan bagi anak di bawah umur 18 tahun sebanyak RM2,000 setiap orang anak;
- c. pelepasan bagi setiap orang anak yang belum berkahwin dan berumur 18 tahun dan ke atas dan menerima pendidikan sepenuh masa di peringkat A-Level, sijil, matrikulasi, persediaan atau pra-ijazah sebanyak RM2,000 menjadikan jumlah pelepasan yang layak dituntut sebanyak RM4,000 bagi setiap orang anak;
- d. pelepasan bagi anak yang belum berkahwin dan berumur 18 tahun dan mengikuti kursus di peringkat diploma dan ke atas di institusi pengajian tinggi dalam Malaysia, atau mengikuti kursus di peringkat ijazah dan ke atas di institusi pengajian tinggi luar Malaysia, atau kursus dan institusi pengajian tinggi diiktiraf oleh pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan sebanyak RM8,000;
- e. pelepasan bagi anak kurang upaya sebanyak RM6,000. Pelepasan tambahan RM8,000 pula diberikan bagi anak kurang upaya berumur 18 tahun dan ke atas, belum berkahwin dan

mengikuti diploma dan ke atas di dalam Malaysia / peringkat ijazah dan ke atas di luar Malaysia;

- f. pelepasan ke atas perbelanjaan perubatan penyakit yang sukar diubati bagi individu atau anak-anak (termasuk pemeriksaan perubatan penuh RM500) sebanyak RM6,000; dan
- g. pelepasan ke atas yuran Taman Asuhan Kanak-Kanak Dan Taman Didikan Kanak-Kanak untuk anak berumur sehingga 6 tahun sebanyak RM1,000.

Dalam Bajet 2018 pula, Kerajaan telah mengambil inisiatif tambahan dalam membantu golongan berpendapatan sederhana dengan mengurangkan kadar cukai pendapatan sebanyak dua mata peratusan bagi banjaran pendapatan bercukai antara 20 ribu hingga 70 ribu ringgit. Langkah ini dilihat dapat membantu meningkatkan pendapatan boleh guna pembayar cukai termasuk golongan ibu tunggal antara 300 ringgit sehingga seribu ringgit.